

SKOP SISTEM eKEMUSYKILAN

JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG

1.0 PENDAHULUAN

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang merancang untuk membangunkan **Sistem eKemuskilan** berasaskan web menggunakan bahasa pengaturcaraan PHP dan pangkalan data MySQL (*open source platform*) bagi kegunaan orang awam yang ingin mendapatkan panduan hukum Syara' daripada Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.

2.0 CADANGAN PROJEK

Konsep utama sistem adalah menyediakan kemudahan permohonan dan semakan status permohonan secara atas talian kepada orang awam di dalam Negeri Pulau Pinang.

Berikut adalah kategori pengguna yang terlibat :-

- | | |
|-------------------------------------|---|
| 1. Pengguna | Orang Awam |
| 2. Pentadbir Sistem | Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang |
| 3. Pengguna Jabatan | Pegawai pelaksana di Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang |
| 4. Pentadbir Teknikal Sistem | Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang |

Pengguna boleh mengemukakan persoalan dan kemusykilan berkaitan hukum Syara'. Persoalan akan dikategorikan kepada bab ibadat, munakahat, aqidah dan isu-isu semasa berkaitan hukum Syara'.

Berikut adalah rekabentuk sistem yang dicadangkan:-



Rajah 1: Rekabentuk Sistem

3.0 KOMPONEN PROJEK

3.1 ASPEK TEKNIKAL

Penggunaan teknologi AJAX (*Asynchronous JavaScript and XML*) dan CSS (*Cascading Style Sheets*) adalah diperlukan supaya sistem yang di bangunan berkonsepkan Web 2.0 dan mempunyai antaramuka yang menarik.

Pembangunan adalah berasaskan *open source* iaitu menggunakan bahasa pengaturcaraan PHP dan pangkalan data MySQL. Selain itu pembangunan mestilah mengadaptasi *secured programming*.

Sistem yang dibangunkan ini juga akan menggunakan perkakasan sedia ada iaitu *server* yang menggunakan sistem pengoperasian Linux.

Pembangunan juga perlu mengadaptasi *agile software development*.

3.2 CIRI-CIRI SISTEM

Berikut adalah cadangan ciri-ciri sistem yang akan dibangunkan berdasarkan kategori pengguna:-

a) Pengguna

Pengguna utama sistem adalah orang awam yang ingin mendapatkan panduan hukum Syara'. Cadangan ciri-ciri bagi pengguna adalah:-

- i. Borang kemusykilkan secara atas talian.
- ii. Muatnaik dokumen yang berkaitan (jika diperlukan). Dokumen yang dimuatnaik adalah dalam format PDF, JPEG dan MS WORD yang di sediakan di luar sistem.
- iii. Cetak borang kemusykilkan yang telah dilengkapkan atau disimpan dalam format PDF.
- iv. Semakan status jawapan kemusykilkan melalui ID yang diberikan oleh sistem.
- v. Melihat rekod-rekod kemusykilkan yang telah dijawab.
- vi. Panduan pengguna dan soalan lazim atas talian.
- vii. Kemudahan carian.

b) Pentadbir Sistem

Pentadbir sistem adalah Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang. Cadangan ciri-ciri bagi pentadbir sistem adalah seperti berikut :-

- i. Kemudahan pengurusan pengguna (daftar, kemaskini jawapan, hapus had akses pentadbir sistem)
- ii. Kemudahan *audit trail* iaitu:-
 1. Rekod akses dan aktiviti merangkumi maklumat seperti tarikh, masa, id pengguna serta jenis aktiviti iaitu daftar, baca, kemaskini, hapus dan muat naik/ turun.
 2. Laporan *audit trail*.
- iii. Kriteria awal boleh diubahsuai/ditambah dari semasa ke semasa.
- iv. Kemudahan memproses jawapan.
- v. Kemudahan menjana surat makluman melalui sistem kepada penyoal.
- vi. Kemudahan carian.
- vii. Laporan dan statistik (boleh di ekstrak ke format ods/xls/pdf).
 1. Statistik Permohonan Mengikut Daerah dan Negeri.
 2. Statistik Permohonan Mengikut Jantina.
 3. Statistik Permohonan Mengikut Tarikh Permohonan/Tarikh Tertentu.
 4. Statistik Permohonan Mengikut Kategori Soalan.
 5. Laporan *audit trail*.
 6. Laporan transaksi perkhidmatan iaitu statistik transaksi kemusykilan dan semakan status kemusykilan.
 7. Lain-lain laporan dan statistik berdasarkan keperluan semasa

c) Pengguna Jabatan

Pengguna Jabatan adalah terdiri daripada pegawai-pegawai pelaksana di Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Fatwa. Cadangan ciri-ciri bagi pengguna jabatan adalah seperti berikut:-

- i. Kemudahan memproses permohonan
- ii. Carian berdasarkan nama, kata kunci atau ID

- iii. Kemudahan janaan dan cetakan jawapan
- iv. Laporan dan statistik (boleh di ekstrak ke format ods/xls/pdf)

3.4 KOLEKSI SOALAN-SOALAN 2005 – 2013

- i. Menyediakan ruang penyimpanan bersesuaian dengan soalan-soalan dan jawapan-jawapan yang telah lalu.

3.3 KAWALAN

- i. Pengurusan katalaluan
- ii. Pengesahan jawapan oleh S.S Dato' Seri Mufti
- iii. *Audit trail*
- iv. Sekuriti

4.0 TEMPOH PELAKSANAAN

Tempoh pelaksanaan projek adalah **tidak melebihi 5 bulan** pembangunan dan pentaulihan termasuk **jaminan setahun (12 bulan)** selepas pentaulihan.